

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Kita sangat beruntung kerana mempunyai seorang raja yang adil () dalam pemerintahannya.
- b. Haziq seorang pelajar yang sangat cerdik ().
- c. Sang Monyet berasa cemburu () dengan kebijaksanaan Sang Kancil.
- d. Cuaca sejuk () pada malam itu menyebabkan adik menggigil kesejukan.
- e. Rania menjemput () semua kawannya untuk datang ke majlis hari jadinya.
- f. "Apakah yang awak beli?" tanya () ibu kepada kakak.
- g. Aisyah telah memenangi peraduan () lukisan anjuran sekolah.
- h. Mangsa kemalangan jalan raya itu telah dibawa () ke hospital.
- i. Pasukan bola jaring sekolah kita telah kalah () di peringkat akhir pertandingan antara sekolah-sekolah swasta.
- j. Kita hendaklah ikhlas ketika membantu () orang yang susah.

[10 markah]

mengundang/mengajak	diangkut/diusung	dingin	saksama	Iri hati/dengki
pertandingan	Pandai/pintar	tewas	menolong	soal

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Muiz kerap () membantu ibu bapanya membuat kerja di rumah.
- b. Hakim-hakim hanya memberikan kritikan () yang membina dalam pertandingan Mari Bercerita itu.
- c. Kami ditegah () memasuki bilik komputer kerana masih dalam pengubahsuaian.
- d. Khadijah rajin () berusaha sehingga berjaya membuka kedai roti miliknya.
- e. Nelayan itu mengayuh perahu () menyelusuri tebing sungai sebelum menangkap ikan.
- f. Sahril disayangi () oleh kawan-kawannya kerana sikapnya yang ringan tulang.
- g. Rumah yang ditinggalkan oleh nenek di kampung sudah usang. ()
- h. Luka () di jari yang dialaminya semasa kecil meninggalkan bekas.
- i. Cita-cita Kamil hendak menjadi seorang tentera () telah tercapai.
- j. Pasangan mempelai () itu tersenyum-simpul semasa bersanding di atas pelamin.

[10 markah]

lama/buruk	askar	dilarang/dihalang	cedera	ulasan/komen
tekun/gigih	sampan	sering/selalu	dikasihi/disukai	pengantin

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Sudah lama saya tidak mendengar kehabaran () daripada kamu.
- b. Dia mendapat untung () setelah menukar strategi jualannya.
- c. Beruang merupakan binatang liar () yang tinggal di dalam hutan.
- d. Bayu () di pantai ini bertiup dengan lembut dan nyaman.
- e. Nakhoda Manis merupakan kisah () tentang anak yang derhaka kepada ibunya.
- f. Puan Maimun amat risau () akan keselamatan anaknya yang mengikuti rombongan mendaki gunung.
- g. Setiap tahun pada bulan Ramadhan, pihak muslimah itu akan membantu orang-orang miskin ().
- h. "Berdasarkan alamat ini, rumah Fazli di aras () tiga," kata Rizal.
- i. Safra menjawab soalan yang mudah () dahulu.
- j. Mizwar gembira () setelah mengetahui dia lulus dengan cemerlang dalam Peperiksaan Akhir Tahun.

[10 markah]

buas	senang	angin	tingkat	riang
cerita	faedah	bimbang/khuatir	berita	fakir/papa

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Masyarakat zaman dahulu menggunakan lampu () untuk menerangi rumah.
- b. Azri menolong ayahnya menggantikan atap rumah yang bocor ().
- c. Kereta Hyundai Sonata itu kepunyaan () Cikgu Ibrahim.
- d. Sazali berasa hampa () apabila mengetahui permohonannya untuk mengisi jawatan kosong itu ditolak.
- e. Pak Idrus menghalau () sekumpulan monyet yang masuk ke dalam kebunnya.
- f. Para tetamu yang hadir dihidangkan () dengan pelbagai lauk-pauk oleh keluarga pengantin.
- g. Janganlah kita bertengkar () disebabkan perkara kecil.
- h. Bunga mawar yang ditanam ibu telah mekar ().
- i. Milah tidak dapat tidur nyenyak () semalam kerana perutnya sakit.
- j. Pak Mail mengutip () buah-buah durian yang gugur malam tadi.

[10 markah]

milik/ hak	pelita	kecewa/putus asa	disajikan	kembang
mengusir	lena/lalap	mengambil/memungut	tiris	bergaduh

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Titi () kayu itu telah roboh pagi tadi.
- b. Program Rakan Sebaya di sekolah itu telah berjaya mencapai tujuan () yang disasarkan.
- c. Ibu telah mengutus () sepucuk surat kepada abang yang sedang belajar di luar negeri.
- d. Delegasi negara kita telah berlepas ke Korea pada bulan Jun untuk menyertai () Pameran Perdagangan ASEAN 2023.
- e. Kucing yang dikejar oleh anjing itu bersembunyi di dalam semak. ()
- f. Bunyi unggas di pinggir hutan () itu sayup-sayup kedengaran.
- g. Pelumba lari jarak jauh itu tetap cekal () untuk menghabiskan pusingan terakhir lariannya.
- h. Anak perempuan itu gemar () memakai jam tangan pemberian ayahnya.
- i. Banyak kulat () tumbuh liar selepas hari hujan.
- j. Mereka sekeluarga sembahyang () Isyak berjemaah setiap malam.

[10 markah]

rimba	jembatan	belukar	mengikuti	suka
mengirim/menghantar	cendawan	tabah	matlamat/sasaran	solat

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Cikgu Masliana menyusun () buku-bukunya di atas meja.
- b. Selepas mendapat keizinan () ibu dan bapa masing-masing, mereka pun membuat perancangan untuk menjelajah kampung pedalaman.
- c. Kami menonton pertunjukan Sarkas Bomba yang diadakan husus () pada musim cuti sekolah.
- d. Ketenteraman () penduduk bandar saban hari terganggu akibat bunyi kenderaan.
- e. Kakak mendekati () pengemis itu lalu menghulurkan sedekah.
- f. Peniaga () sayur itu mengusahakan ladang tanamannya sendiri.
- g. Ramai yang menjadi korban () dalam nahas pesawat kelmarin.
- h. Nenek sedang menjirus () pokok bunga di halaman rumah.
- i. Bunga mawar yang ditanam ibu telah mekar ().
- j. Mohamad Hazwan merupakan murid yang bijak () di dalam kelasnya.

[10 markah]

mangsa	mengatur	keamanan/kedamaian	penjual	kembang
istimewa	menghampiri	menyiram	kebenaran	pandai/pintar

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Pengeluar produk kesihatan diminta supaya memastikan produk mereka berkualiti (_____) supaya barang-barang tersebut tidak menjejaskan kesihatan pengguna.
- b. Kapten kapal itu mengarahkan anak-anak kapalnya mengubah (_____) haluan kapal kerana keadaan cuaca yang bertambah buruk.
- c. Puan Zuraidah mengumpul (_____) buku-buku terpakai untuk dijual dalam acara jualan amal persatuannya.
- d. Walaupun hadiah pemberian ibu tidak mahal tetapi amat berharga (_____) bagi saya.
- e. Taufik mengusir (_____) kucing yang cuba menyelongkar tong sampah yang berada di hadapan rumahnya.
- f. Galeri kebudayaan dibina (_____) untuk menghidupkan kegemilangan Kampong Ayer.
- g. Pelari pecut itu rebah (_____) apabila menghampiri garisan penamat.
- h. Usahlah (_____) membuang masa dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah.
- i. Apabila terkenang (_____) akan peristiwa yang pahit itu, air mataku mengalir.
- j. Zul Amsyari mengusulkan (_____) agar kami belajar dan mengulang kaji pelajaran bersama-sama.

mengutip	bernilai	jangan	menukar	jatuh /tumbang
menghalau	teringat	bermutu	diroboh	teringat

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Kami berasa seronok () ketika bercuti di Singapura baru-baru ini.
- b. Semalam Muhammad Hafiz melawat () ibunya yang terlantar sakit di hospital.
- c. Kaki Rakiah patah akibat gugur () dari tangga.
- d. Walaupun budak itu berumur enam tahun tetapi dia sudah fasih () membaca Surah Yassin.
- e. Memberi sedekah kepada orang miskin merupakan perbuatan yang perlu kita contohi ().
- f. Kami sekeluarga sering () berkunjung ke rumah nenek di kampung pada hujung minggu.
- g. Ibu selalu mengingatkan saya supaya tidak berbohong ().
- h. Muhammad Zaki menyepak () bola itu dengan kuat lalu terkena cermin tingkap rumah jirannya.
- i. Nur Aqilah merupakan seorang murid yang cerdik () di dalam kelasnya.
- j. Abang tidur nyenyak () kerana keletihan.

[10 markah]

jatuh	selalu/kerap	mengunjungi	menendang	teladani
lancar	lena	berdusta	pintar/bijak	gembira

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Jika tidak ada aral (_____), saya akan ke rumah pakcik saudara saya di Seria pada minggu hadapan.
- b. Saya suka bersahabat (_____) dengan Sabariah kerana dia baik hati.
- c. Khalid beruntung kerana mendapat dorongan (_____) daripada keluarganya untuk menceburi bidang sukan.
- d. Saya sering (_____) mengulangkaji pelajaran di rumah.
- e. Program (_____) itu terpaksa dibatalkan kerana hujan lebat.
- f. Encik Leman memasukkan buah-buahan yang gugur (_____) itu ke dalam bakul.
- g. Halaman (_____) rumah Makcik Ramlah dipenuhi dengan bunga-bunga yang berwarna-warni.
- h. Usah (_____)lah membuang masa dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah.
- i. Apabila terkenang (_____) akan peristiwa yang pahit itu, air mataku mengalir.
- j. Muhammad Rijal mengusulkan (_____) agar kami belajar dan mengulangkaji pelajaran bersama-sama.

galakan	perkarangan	kerap/selalu	mencadangkan	kawan/rakan
jatuh	teringat	halangan	jangan	Rancangan/atur cara

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.
- Haji Kassim tidak disukai oleh orang kampung kerana sifatnya yang kedekut (_____).
 - Angin yang kuat semalam telah mengakibatkan banyak rumah yang binasa (_____) di kampung itu.
 - Di tepi Pantai Tungku banyak pokok nyiur (_____) yang tumbuh.
 - Kami adik-beradik akan mencuci (_____) pakaian kami sendiri pada setiap hari Ahad dan Jumaat.
 - Peserta dari Kampong Lumut telah kalah (_____) dalam pertandingan Pencak Silat peringkat Daerah Belait petang semalam.
 - "Jangan campak (_____) sisa-sisa makanan di merata-rata kawasan sekolah," kata Cikgu Taib kepada semua pelajar semasa rehat.
 - Para pelajar hanya diberikan waktu (_____) satu jam sahaja untuk menjawab semua soalan Bahasa Melayu itu.
 - "Jangan kacau (_____) kakakmu yang sedang tidur itu," kata ibu kepada adik.
 - Sayur mudah ditanam dengan baik jika dijaga dengan elok. (_____)
 - Soalan Matematik tahun ini sangat susah. (_____)

[10 markah]

sempurna	kelapa	tempoh/masa	bakhil	membasuh
Musnah/hancur	tewas	usik/ganggu	payah/sukar	buang

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Selepas bermain bola, mereka terasa haus. (_____)
- b. Ibu bapa menunggu anak-anak mereka pulang (_____) dengan perasaan gelisah.
- c. Pertunjukan itu akan selesai (_____) pada pukul sepuluh malam.
- d. Rumah Jamil hampir (_____) dengan masjid.
- e. Doktor mengesahkan bahawa dia menghidap barah (_____).
- f. Semua murid senyap (_____) sahaja ketika mendengar guru besar berucap.
- g. Danial tidak ada duit (_____) untuk membeli makanan.
- h. Jefri meminta maaf (_____) daripada Mak Cik Mariam kerana mencuri buah rambutan di kebunnya.
- i. Hisham gelak (_____) apabila mendengar kisah yang lucu itu.
- j. Rozita telah dilantik menjadi pembantu (_____) Ketua Kelas.

[10 markah]

dekat	wang	dahaga	sunyi	balik/kembali
kanser	ketawa	ampun	tamat/habis	penolong

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Pasukan bola keranjang sekolah kami telah menjadi juara () seluruh negara.
- b. Haji Karim sekeluarga telah menikmati hidangan () berbuka puasa yang telah disediakan.
- c. Guru pengawas rombongan itu menyatakan hajat () mereka datang ke sekolah kami.
- d. Ramai kanak-kanak bermain kikik () di kawasan lapang itu.
- e. Pemburu itu sering terjumpa dengan binatang ganas ().
- f. Kita tidak boleh membuang () sampah di merata tempat.
- g. Saya mesti menjawab semua soalan Matematik dalam tempoh () satu jam.
- h. "Jangan ganggu () ayahmu yang sedang tidur itu," kata ibu.
- i. Semua murid mesti patuh () kepada arahan guru.
- j. Haji Ali mendapat untung () yang banyak selepas menjual duriannya.

[10 markah]

liar/buas	sajian	layang-layang	laba/faedah	mencampak
tujuan	usik/kacau	masa/waktu	johan	taat

6. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan bergaris di bawah ini.

- a. Ayah membeli sebuah perahu () untuk menangkap ikan.
- b. Sekarang kita berada dalam abad () kedua puluh satu.
- c. Apabila membuat kerja jangan menunggu () arahan daripada sesiapa.
- d. Hujan yang turun sepanjang hari menyebabkan beberapa kawasan di tanah rendah mengalami bah ().
- e. Negara yang aman itu sentiasa dikunjungi () pelancong.
- f. Cikgu Rohana tidak dapat membezakan murid kembar di Tahun 2A kerana rupa () mereka yang seiras.
- g. Muhammad Firdaus mempunyai ramai teman () kerana sikapnya yang peramah dan baik hati.
- h. Masakan emak sungguh enak () dan selalu dipuji oleh ayah.
- i. Ibu semakin resah () kerana abang belum pulang lagi walaupun sudah larut malam.
- j. Bendera itu menjadi lambang () kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

[10 markah]

banjir	wajah	menanti	rakan/kawan	sampan
kurun	Bimbang/gelisah	sedap	tanda	dilawati